

Headline	Orang ramai dinasihat bayar bil elektrik guna saluran rasmi		
MediaTitle	Berita Harian (Utara)		
Date	09 Jan 2020	Language	Malay
Circulation	2,802	Readership	8,406
Section	Berita	Page No	47
ArticleSize	175 cm ²	Journalist	N/A
PR Value	RM 12,079		



Orang ramai dinasihat bayar bil elektrik guna saluran rasmi

Kuala Lumpur: Orang ramai dinasihatkan membayar bil elektrik melalui saluran rasmi ditetapkan Tenaga Nasional Berhad (TNB), bagi mengelak daripada ditipu pihak menyamar sebagai ejen kutipan bil syarikat itu.

Tiga saluran utama ditetapkan TNB ialah membayar di kiosk atau kaunter Kedai Tenaga seluruh negara dan secara dalam talian menerusi portal myTNB atau aplikasi mudah alih myTNB.

Pembayaran juga boleh dibuat melalui perbankan dalam talian dan JomPay, selain di kaunter Pos Malaysia, rangkaian kedai serbaneka 7-Eleven, Kedai Mesra PETRONAS, rangkaian kedai 99 Speedmart serta kiosk PayQuick.

Ketua Pegawai Retail TNB, Megat Jalaluddin Megat Hassan, berkata pengguna juga boleh mendaftar untuk pembayaran bulanan melalui potongan debit secara terus pada kad kredit atau debit masing-masing.

Beliau berkata, ia berikutan TNB masih menerima aduan pengguna mengenai sindiket penipuan membabitkan pembayaran bil elektrik.

"Pastikan resit pembayaran diterima dan disimpan sebagai bukti bagi setiap transaksi. Pengguna perlu sentiasa berwaspada dan tidak terperdaya dengan tindakan sesetengah pihak menyamar sebagai ejen kutipan bayaran bil TNB.

"Antara taktik penipuan terbahit ialah menawarkan diskaun atas jumlah bil elektrik jika membuat pembayaran melalui mereka, ataupun membuat panggilan telefon menggesa pengguna membayar tunggakan bil ke akaun bank tertentu bagi mengelakkan bekalan dipotong," katanya dalam satu kenyataan, semalam.

"Pengguna boleh menghubungi TNB CareLine melalui talian 1-300-88-5454 untuk sebarang pertanyaan mengenai akaun mereka, selain senarai penuh saluran pembayaran rasmi TNB di www.tnb.com.my/residential/payment-methods/," katanya.

 **TNB masih menerima aduan pengguna mengenai sindiket penipuan membabitkan pembayaran bil elektrik.**

Megat Jalaluddin Megat Hassan,
Ketua Pegawai Retail TNB